




MPKU

BULETIN KU

Perbandaran Cemerlang Sejahtera Semua

EDARAN PERCUMA | www.mpkulai.gov.my



*Majlis Sambutan Keberangkatan
DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR
KE ISTANA NEGARA*



Pelancaran
LOGO SAMBUTAN 20 TAHUN
MAJLIS PERBANDARAN KULAI



EDISI
1
2024



Untuk Penerbitan Digital

Menarik
di dalam...

SELAMAT DATANG
TUAN AZMEE BIN AWANG,
SETIAUSAHA MPKU.

PROGRAM JOHOR BERSIH
@ PANTAI LIDO.

PELANCARAN LOGO
SAMBUTAN 20 TAHUN
MAJLIS PERBANDARAN KULAI.



- 3** Selamat Datang Tuan Azmee bin Awang, Setiausaha MPKu.
- 4** Program Johor Bersih @ Pantai Lido.
- 5** Misi Bantuan Pasca Banjir ke Daerah Kota Tinggi oleh Southern Volunteers Kulai.
- 6** Perasmian Laman Rasmi TikTok Majlis Perbandaran Kulai.
- 7** Majlis Sambutan Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor ke Istana Negara.
- 8** Majlis Apresiasi Kecemerlangan & Sanjungan Budi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023, Majlis Perbandaran Kulai.
- 9** Pembukaan "Kulai Cycling Park" Bandar Indahpura, Daerah Kulai, Johor.
- 10** Majlis Penyerahan Kunci Gerai Penjaja : MyKiosk@KPKT Malaysia.
- 11** Program Johor Bersih @Sg Skudai Serta Majlis Pelancaran Southern Volunteers Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (SV JPKK) Peringkat Daerah Kulai.
- 12** Pelancaran Logo Sambutan 20 tahun Majlis Perbandaran Kulai.
- 13** Bengkel Pelaksanaan Semakan Semula Senarai Nilaian (Penilaian Semula) Pegangan Berkadar Majlis Perbandaran Kulai Tahun 2024.
- 14** Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024.
- 15** Majlis Berbuka Puasa Bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor ke Daerah Kulai.
- 16** Mesyuarat Penuh Bil.3/2024.



PENGHARGAAN BULETIN



TUAN HAJI MOHD FAHMI BIN SALAM
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI



TUAN AZMEE BIN AWANG
SETIAUSAHA, MAJLIS PERBANDARAN KULAI

• Majlis Perbandaran Kulai
Jalan Pejabat Kerajaan,
81000 Kulai, Johor, Malaysia
• Tel : 607-661 3000
• Faks : 607-663 2407
• Email : mpkulai@mpku.gov.my
• www.mpkulai.gov.my

Ahli-Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulai.
Warga Kerja Jabatan-Jabatan, Majlis Perbandaran Kulai
dan Seluruh Warga Perbandaran Kulai
serta Pihak-Pihak Pemegang Taruh, Majlis Perbandaran Kulai.

Diterbitkan Oleh:
Pengurusan Korporat,
Seksyen Media dan Rangkaian,
Unit Korporat & Perhubungan Awam, Majlis Perbandaran Kulai.



Selamat Datang
TUAN AZMEE BIN AWANG,
SETIAUSAHA MPKu

Sesi ringkas menyambut kehadiran Yang Berusaha Tuan Azmee bin Awang, melapor diri sebagai Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai, berkuatkuasa 1 Januari 2024.

Ketibaan Tuan Azmee bin Awang disambut oleh Encik Mohd Jailani bin Haji Kabeb - Ketua Jabatan Kewangan MPKu bersama-sama Ketua Jabatan yang lain.

Pihak Jabatan mengucapkan selamat datang kepada Encik Azmee bin Awang bagi mengetuai skop pengurusan sebagai Setiausaha Majlis Perbandaran Kulai





Program **JOHOR BERSIH** @ PANTAI LIDO

Majlis Perbandaran Kulai diketuai oleh Tuan Yang Dipertua, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, telah bersama kira-kira 1,000 peserta terdiri daripada barisan Ahli Majlis, Mesyuarat Kerajaan Johor, Ketua-Ketua Jabatan dan agensi, sukarelawan Southern Volunteers, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri Johor turut memeriahkan program Gotong Royong @ Pantai Lido bersama Menteri Besar.

Usaha Kerajaan Negeri menekankan aspek penjagaan kebersihan dalam kalangan Bangsa Johor melalui agenda Johor Bersih yang dilancarkan pada tahun 2022 terus mendapat sambutan sehingga hari ini. Program ini telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato Onn Hafiz Ghazi.



JANUARI



Buletin 2024-1



12.01
2024



MISI BANTUAN PASCA BANJIR KE DAERAH KOTA TINGGI OLEH SOUTHERN VOLUNTEERS KULAI





29.01
2024

Buletin 2024-1

MAJLIS PELANCARAN *TikTok Rasmi*

MAJLIS PERBANDARAN KULAI



JANUARI

Majlis Pelancaran *TikTok Rasmi*

MAJLIS PERBANDARAN KULAI

29 JANUARI 2024
ARAS 1, DEWAN PERSIDANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KULAI

IMBAS DI SINI



Perasmian

LAMAN RASMI TIKTOK MAJLIS PERBANDARAN KULAI

Telah berlangsungnya Majlis Perasmian Laman Rasmi TikTok Majlis Perbandaran Kulai pada hari ini yang disempurnakan oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam


Laman Rasmi TikTok MPKu ini dilancarkan sebagai medium penyampaian baharu maklumat rasmi secara digital yang sahih, tepat dan pantas berkaitan siaran khas, dasar dan inisiatif atau berita semasa berkaitan perkhidmatan Majlis Perbandaran Kulai. Pelancaran ini selari dengan peralihan ke arah komunikasi digital atau media sosial.

Turut serta bagi memeriahkan majlis adalah Ketua WHIP MPKu, Encik Mohd Fadil bin Misnan serta barisan Ahli Majlis dan barisan Ketua-ketua Jabatan MPKu.



Majlis Sambutan Keberangkatan

DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN JOHOR
 KE ISTANA NEGARA





Majlis Apresiasi Kecemerlangan & SANJUNGAN BUDI ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023, MAJLIS PERBANDARAN KULAI





Pembukaan “KULAI CYCLING PARK”

BANDAR INDAHPURA, DAERAH KULAI, JOHOR



MAJLIS PENYERAHAN KUNCI

GERAI PENJAJA : MYKIOSK@KPKT Malaysia

Majlis Perbandaran Kulai telah mengadakan Majlis Penyerahan Kunci Gerai Penjaja : MyKiosk@KPKT dalam memperkasakan penjaja dan peniaga kecil dengan menyediakan peluang dan ruang perniagaan yang lebih selesa kepada 41 orang penerima menerusi peruntukan daripada Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) dalam penyediaan kiosk yang lebih seragam dan selesa.

Majlis Penyerahan Kunci Gerai Penjaja : MyKiosk@KPKT telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan & Kerajaan Tempatan Negeri Johor merangkap ADUN Bukit Permai di Pusat Penjaja Jalan Merbau, Bandar Putra, Kulai.





24.02
2024

Buletin 2024-1

FEBRUARI



PROGRAM JOHOR BERSIH

@ SG SKUDAI SERTA MAJLIS PELANCARAN SOUTHERN VOLUNTEERS
JAWATANKUASA PEMBANGUNAN DAN KESELAMATAN KAMPUNG
(SV JPKK) PERINGKAT DAERAH KULAI

Pada hari ini telah berlangsung, Program Johor Bersih @ Sg Skudai bersempena pelancaran SV JPKK Daerah Kulai, bertempat di Kampung Pertanian Kulai dengan penglibatan seramai hampir 200 orang peserta yang terdiri daripada penduduk kampung dan para sukarelawan.

Pelancaran rasmi bagi peringkat daerah Kulai telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Tuan Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai, dengan gimik pelancaran, sesi serahan t-shirt SV serta dua unit mesin potong rumput kepada Ketua Kampung Pertanian, Encik Hairul Anuar bin Tumiran. Sebanyak 20 JPKK daerah Kulai, turut melaksanakan program yang sama di JPKK masing-masing dengan lokasi yang berbeza.

Turut bersama hadir ke sesi pelancaran rasmi ini ialah, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai. Tuan DSP Mohd Kushairi bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Polis Daerah Kulai bersama Ketua-ketua Jabatan dan agensi-agensi di daerah Kulai.





Pelancaran Logo **SAMBUTAN 20 TAHUN** **Majlis Perbandaran Kulai**

Majlis Perbandaran Kulai akan menyambut Ulang Tahun Perbandaran kali ke-20 pada 21 April 2024. Logo 20 Tahun telah dilancarkan pada majlis ini bagi menyemarakkan sambutan ini. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam, Yang Dipertua MPKu, Ahli Majlis MPKu, Ex Officio, wakil-wakil persatuan dan NGO tempatan.



5-6.03
2024

BENGKEL PELAKSANAAN SEMAKAN SEMULA SENARAI NILAIAN (PENILAIAN SEMULA)

PEGANGAN BERKADAR MAJLIS PERBANDARAN KULAI TAHUN 2024





Anugerah BANDAR PALING BAHAGIA 2024

Berdasarkan kepada pengukuran Indeks Kebahagiaan yang telah dilaksanakan melalui Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets), Majlis Perbandaran Kulai telah terpilih untuk menerima Anugerah Bandar Paling Bahagia 2024 yang disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming kepada Yang Dipertua MPKu, Tuan Haji Mohd Fahmi bin Salam.

Majlis yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah bersempena Sambutan Hari Kebahagiaan Sedunia Peringkat Kebangsaan Tahun 2024.

Turut hadir bagi memeriahkan adalah YB Datuk Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan; YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Ahli-ahli Mesyuarat Pasca Kabinet KPKT, dan ketua-ketua Jabatan.



PlanMalaysia, Putrajaya.





Majlis Berbuka Puasa

BERSAMA YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR JOHOR ke Daerah Kulai

YAB Dato' Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor telah hadir ke Majlis Berbuka Puasa Menteri Besar Johor bersama masyarakat daerah Kulai bertempat di Masjid Al-Mubarak, Bandar Putra, Kulai.

Turut hadir memeriahkan Majlis Berbuka Puasa ini ialah YB Dato' Hj Mohd Jafni bin MD Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor merangkap ADUN Bukit Permai; Encik Fizwan bin Dato' Haji Mohd Rashidi, Pegawai Daerah Kulai; YB Dato' Pandak Bin Ahmad, ADUN Kota Iskandar; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai, Pentadbir Tanah Daerah Kulai, Ketua-ketua Jabatan Daerah Kulai, Penghulu-Penghulu Mukim, Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kulai; Ketua-ketua kampung dan para jemputan. Majlis berakhir dengan jamuan berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah.



PERBANDARAN CEMERLANG,
SEJAHTERA SEMUA

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

-

Mesyuarat Penuh

BIL.3/2024



Dewan Persidangan MPKu.



Program JOHOR BERSIH DAERAH KULAI

 www.mpkulai.gov.my

 Majlis Perbandaran Kulai

 mpku@johor.gov.my
aduan.mpkulai@johor.gov.my

 [mpku_official](#)

 mpkulai

 019 758 2828

 Kulai TV